

KESAN PEMBELAJARAN ILMU *TURĀTH* TERHADAP
GURU AGAMA KURIKULUM BERSEPADU DINI
DI DAERAH KINTA UTARA, PERAK

NUR FARHANIS BINTI FAISAL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024

KESAN PEMBELAJARAN ILMU *TURĀTH* TERHADAP GURU AGAMA
KURIKULUM BERSEPADU DINI DI DAERAH KINTA UTARA, PERAK

NUR FARHANIS BINTI FAISAL

JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

KESAN PEMBELAJARAN ILMU *TURĀTH* TERHADAP GURU AGAMA
KURIKULUM BERSEPADU DINI DI DAERAH KINTA UTARA, PERAK

NUR FARHANIS BINTI FAISAL

Latihan ilmiah ini dikemukakan sebagai keperluan bagi memenuhi syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam)

JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



SILA TANDA (✓)

Kertas Projek

Sarjana Muda Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 24 Februari 2024.

i. Perakuan pelajar :

Saya **NUR FARHANIS BINTI FAISAL (D20201094445)**
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa
laporan projek tahun akhir yang bertajuk **KESAN PEMBELAJARAN**
ILMU TURATH TERHADAP GURU AGAMA KURIKULUM
BERSEPADU DINI DI DAERAH KINTA UTARA, PERAK adalah
hasil kerja saya sendiri. Saya tidak mempelagiat dan apa-apa
penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah
dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan
dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada
atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah
dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

.....
Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan penyelia :

Saya **PROFESOR MADYA DR. IBRAHIM BIN HASHIM** dengan
ini mengesahkan hasil kerja pelajar yang bertajuk **KESAN**
PEMBELAJARAN ILMU TURATH TERHADAP GURU
AGAMA KURIKULUM BERSEPADU DINI DI DAERAH
KINTA UTARA, PERAK dihasilkan seperti mana di atas, dan telah
diserahkan kepada Fakulti Sains Kemanusiaan bagi memperoleh
sebahagian syarat memperolehi **IJAZAH SARJANA MUDA**
PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN.

.....
24 / 2 / 2024

Tarikh

.....
Tandatangan Penyelia

PERAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang telah tiap-tiap satu saya jelaskan sumbernya.

24 FEBRUARI 2024

NUR FARHANIS FAISAL

D20201094445



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan Nama Allah Yang Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam, Tuhan yang amat pemurah di dalam negeri dunia ini, lagi amat mengasihani akan hamba-Nya yang mukmin di dalam negeri Akhirat. Saya memulakan penulisan ini dan dengan Dia kita meminta tolong segala puji bagi Allah SWT kerana berkat bantuan-Nya projek tahun akhir ini dapat disempurnakan dalam masa yang telah ditetapkan. Seterusnya, selamanya atas Penghulu kita, Nabi Muhammad SAW selaku pendidik pertama yang mendorong saya untuk mengikuti jejak langkah Baginda SAW dalam bidang pendidikan.

Begitu juga sepanjang menjalankan kajian ini, saya telah mendapat bantuan dan kerjasama yang tidak ternilai daripada pelbagai pihak. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khas diucapkan kepada pensyarah penyelia kajian ini, iaitu Prof. Madya Dr. Ibrahim bin Hashim yang telah banyak memberikan dorongan, panduan, bimbingan, nasihat, peluang menimba pengalaman belajar dan bantuan yang tidak berbelah bahagi dalam usaha menjayakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan turut diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung bagi menjayakan usaha kajian ini terutama kepada para pensyarah Jabatan Pengajian Islam, pihak Sekolah Izzudin Shah, pihak Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah dan pihak Ma'ahad al-'Ummah.

Penghargaan ini juga ditujukan khas kepada kedua ibu bapa saya yang dikasihi Faisal bin Hamzah dan Ruhaizah binti Mohamed yang tidak pernah berkira wang ringgit sepanjang saya menjalankan kajian ini. Tidak dilupakan juga adik-beradik saya Farhanim, Farhana, Ilham dan Farisha kerana tidak pernah jemu mendengar keluh kesah sepanjang saya menyiapkan kajian ini.

Hanya Allah Ta'ala jua yang Maha Mengetahui atas segala kebenaran dan hanya Allah Ta'ala jua yang dapat memberi ganjaran serta kebaikan atas jasa mereka semua. Mudah-mudahan usaha yang kecil ini akan dapat memberikan manfaat kepada pengajian ilmu turāth agar tidak tenggelam dengan peredaran dan kemajuannya pendidikan.

Wassalam...



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru agama Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) di sekolah dalam daerah Kinta Utara, Perak terhadap keperluan pembelajaran ilmu *turāth*. Kajian ini juga menganalisis kesan pembelajaran ilmu *turāth* terhadap ilmu pengetahuan dan *akhlāq* guru agama KBD. Di samping itu, kajian ini juga ingin mengenal pasti masalah berkaitan pembelajaran ilmu *turāth* yang berlaku dalam kalangan guru agama KBD agar dapat didatangkan solusi bagi masalah tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif sepenuhnya melalui pelaksanaan sesi temu bual secara semi-struktur. Seramai enam (6) orang guru agama yang terlibat dengan Kurikulum Bersepadu Dini dari tiga (3) buah sekolah yang berbeza telah dipilih sebagai responden kajian ini. Data di analisis secara manual, iaitu pengkaji melakukan bacaan data yang telah ditranskripsi secara berkala dan meletakkan data yang diperolehi ke dalam tema yang telah disenaraikan. Dapatan kajian mendapati bahawa ilmu *turāth* dilihat sebagai salah satu keperluan bagi guru agama KBD kerana ilmu *turāth* merupakan salah satu sumber rujukan ilmu utama yang kaya dengan asas-asas ilmu agama. Kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran ilmu *turāth* mempunyai kesan yang positif terhadap ilmu pengetahuan guru agama KBD. Tambahan, pada kajian ini juga mendapati bahawa pembelajaran ilmu *turāth* mempunyai kaitan terhadap pembinaan *akhlāq* guru agama KBD. Secara keseluruhannya, pembelajaran ilmu *turāth* memberi impak yang positif dalam kehidupan seseorang individu khususnya guru agama KBD dalam meningkatkan tahap penguasaan ilmu agama dan kesediaan untuk mengajar mata pelajaran di bawah KBD. Pembelajaran ilmu *turāth* bukan sahaja memberi implikasi kepada guru agama KBD terhadap kesediaan dan kemampuan, bahkan mampu menjadikan proses PdP juga mencapai objektif utama dalam pelaksanaan KBD.

Kata Kunci: Ilmu *Turāth*, Guru Agama, Pendidikan Islam, Kesan Pembelajaran, Kurikulum Bersepadu Dini.



ABSTRACT

This study aims to identify the perceptions of Islamic religious teachers Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) in the district of North Kinta, Perak regarding the need for learning *turāth* knowledge. The study also analyzes the impact of *turāth* knowledge learning on the knowledge and *akhlāq* of KBD Islamic religious teachers. Additionally, the study aims to identify problems related to *turāth* knowledge learning among KBD Islamic religious teachers to provide solutions to these issues. This research uses a fully qualitative design through the implementation of semi-structured interview sessions. Six (6) Islamic religious teachers involved in the KBD from three (3) different schools were selected as the study's respondents. The data were analyzed manually, in which the researcher periodically read and categorized the transcribed data into listed themes. The study findings reveal that *turāth* knowledge is seen as a necessity for KBD Islamic religious teachers, as it is a rich primary knowledge source with the foundations of religious knowledge. The study indicates that learning *turāth* knowledge has a positive impact on the knowledge of KBD Islamic religious teachers. Furthermore, the study finds that learning *turāth* knowledge is related to the development of *akhlāq* among KBD Islamic religious teachers. Overall, *turāth* knowledge learning has a positive impact on an individual's life, especially for KBD Islamic religious teachers, enhancing their mastery of religious knowledge and readiness to teach KBD's subjects. *Turāth* knowledge not only has implications for the preparedness and abilities of KBD Islamic religious teachers but also contributes to achieving the main objectives of the KBD implementation in the teaching and learning process.

Keywords: *Turāth* Knowledge, Religious Teacher, Islamic Education, Learning Effects, Kurikulum Bersepadu Dini.



ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PERAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI LAMPIRAN	x
PANDUAN TRANSLITERASI	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	7
1.7 Definisi Operasional	10
1.7.1 Kesan	10
1.7.2 Pembelajaran	10
1.7.3 Ilmu <i>turāth</i>	11
1.7.4 Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)	13
1.7.5 Guru agama	14
1.8 Batasan Kajian	15
1.9 Kepentingan Kajian	16
1.10 Kesimpulan	17

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	19
----------------	----

2.2 Ilmu <i>Turāth</i>	20
2.2.1 Konsep ilmu <i>turāth</i>	20
2.2.2 Sejarah perkembangan ilmu <i>turāth</i>	23
2.3 Pembelajaran Ilmu <i>Turāth</i>	26
2.3.1 Metode mempelajari ilmu <i>turāth</i>	26
2.3.2 Manfaat mempelajari ilmu <i>turāth</i>	29
2.3.3 Cabaran mempelajari ilmu <i>turāth</i>	30
2.4 Transformasi atau Inovasi Ilmu <i>Turāth</i>	31
2.5 Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)	33
2.5.1 Konsep dan struktur KBD	33
2.5.2 Kepentingan pelaksanaan KBD	35
2.5.3 Cabaran guru agama KBD	37
2.6 Kajian Lepas yang Berkaitan	38
2.6.1 Ilmu <i>turāth</i> dengan ilmu pengetahuan	38
2.6.2 Ilmu <i>turāth</i> dengan <i>akhlāq</i>	40
2.6.3 Ilmu <i>turāth</i> dengan guru dan kesannya pada pelajar	40
2.7 Kesimpulan	41

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	43
3.2 Prosedur Kajian	44
3.3 Reka Bentuk Kajian	46
3.3.1 Temu bual	47
3.4 Data dan Pemilihan Sampel Kajian	48
3.5 Instrumen Kajian	49
3.5.1 Protokol temu bual dan konstruk soalan	49
3.5.2 Borang catatan temu bual	50
3.5.3 Rakaman temu bual	51
3.6 Kaedah Analisis Data	51
3.6.1 Penganalisan data dari rakaman perbualan dan nota temu bual	51
3.7 Kesimpulan	53

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	54
----------------	----

4.2 Profil Guru	55
4.2.1 R01SIS	55
4.2.2 R02SIS	57
4.2.3 R03RPT	59
4.2.4 R04RPT	61
4.2.5 R05MUM	62
4.2.6 R06MUM	64
4.3 Keperluan Guru Agama KBD Mempelajari Ilmu <i>Turāth</i>	65
4.4 Kesan Pembelajaran Ilmu <i>Turāth</i> Terhadap Ilmu Pengetahuan Guru Agama KBD	67
4.5 Kesan Pembelajaran Ilmu <i>Turāth</i> Terhadap <i>Akhlāq</i> Guru Agama KBD	70
4.6 Cabaran Guru Agama KBD Terhadap Ilmu <i>Turāth</i>	72
4.7 Akibat Guru Agama KBD Tidak Mempelajari Ilmu <i>Turāth</i>	74
4.8 Kesimpulan	76

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	78
5.2 Ringkasan Kajian	78
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	81
5.3.1 Keperluan pembelajaran ilmu <i>turāth</i> bagi guru agama KBD	81
5.3.2 Kesan pembelajaran ilmu <i>turāth</i> terhadap ilmu pengetahuan guru agama KBD	83
5.3.3 Kesan pembelajaran ilmu <i>turāth</i> terhadap <i>akhlāq</i> guru agama KBD	84
5.3.4 Masalah pembelajaran ilmu <i>turāth</i> bagi guru agama KBD	85
5.4 Kesimpulan Dapatan dan Implikasi Kajian	87
5.5 Cadangan	89
5.5.1 Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	90
5.5.2 Cadangan kepada Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk)	90
5.5.3 Cadangan kepada pihak pentadbir sekolah	92
5.5.4 Cadangan penyelidikan lanjutan	93
5.6 Penutup	94

RUJUKAN	96
---------	----

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A - Protokol Temu Bual
- Lampiran B - Konstruk Soalan Temu Bual
- Lampiran C - Borang Temu Bual
- Lampiran D - Permohonan eRAS 2.0
- Lampiran E - Surat Permohonan Kebenaran Kepada Pihak Sekolah
- Lampiran F - Contoh Transkripsi Temu Bual

PANDUAN TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ط	t̤
ب	b	ظ	z̤
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dz	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	هـ، ه	h
ش	sy	ء	’
ص	ṣ	ي	y
ض	ḍ	ة	t̤

Sumber rujukan: T.N. (1992). *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	8
1.2	Teori Pembelajaran Kolb (1984)	9
1.3	Ringkasan prosedur kajian	47

SENARAI SINGKATAN

KBD	-	Kurikulum Bersepadu Dini
SAW	-	<i>Ṣallallahu ‘Alaihi Wasallam</i>
SWT	-	<i>Subḥānahu Wa Ta‘āla</i>
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
LEPAI	-	Lembaga Penasihat Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam
SABK	-	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SMAN	-	Sekolah Menengah Agama Negeri
SMAR	-	Sekolah Menengah Agama Rakyat
BPI	-	Bahagian Pendidikan Islam
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KBAT	-	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris
OUM	-	Open University Malaysia
eRAS 2.0	-	Educational Research System Application System 2.0
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
JPI	-	Jabatan Pengajian Islam
UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Ilmu *turāth* merupakan ilmu peninggalan daripada ulama silam yang diwariskan dan dijadikan panduan oleh generasi kini (Syed Salim Syed Shamsuddin, 2018). Melalui ilmu *turāth*, pelbagai prinsip ilmu telah dilahirkan dalam memahami realiti kehidupan yang berlaku pada masa kini. Ilmu *turāth* mulai berkembang dari zaman Rasulullah SAW melalui penurunan *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*, di mana setiap ilmu agama yang diperolehi dari kitab *turāth* merupakan penjelasan terhadap kitab *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah* itu sendiri. Kedatangan para ulama ke Tanah Melayu merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada penulisan kitab-kitab *turāth* di dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi.

Pembelajaran ilmu *turāth* menjadikan kehidupan umat Islam lebih tersusun dibawah naungan *syari'at* Islam. Apabila seseorang itu mendalami ilmu *turāth*, maka mereka akan dapat mengeluarkan kaedah serta isu permasalahan yang kemudiannya diterapkan dalam memahami isu-isu kontemporari. Bagi memastikan kelestarian ilmu *turāth* ini juga, aktiviti-aktiviti pengajian secara berkitab sentiasa dijalankan di



masjid dan surau sebagai pendedahan kepada masyarakat berkenaan permasalahan asas dalam Islam seperti *'aqīdah*, *'ibādah* dan juga *akhlāq*.

Justeru itu, bab ini akan menghuraikan berkenaan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual kajian, definisi operasional, batasan kajian dan kepentingan kajian ini dilaksanakan. Perkara-perkara tersebut akan dijelaskan dalam bab ini untuk lebih memahami serta menghuraikan berkaitan tajuk kajian yang akan dijalankan. Penyelidik dapat menjadikan perkara-perkara tersebut sebagai garis panduan bagi menentukan kaedah kajian yang akan digunakan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Guru dalam bidang keagamaan tidak akan dapat lari daripada keperluan merujuk kitab-kitab *turāth*, tambahan lagi apabila seseorang itu memegang gelaran sebagai guru agama KBD. Ilmu *turāth* dilihat sebagai salah satu sumber rujukan utama bagi masyarakat awam disamping *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*. Menurut Syed Salim Syed Shamsuddin (2018) ilmu *turāth* merupakan antara sumber ilmu yang utama atau primer (*ummāhat al-kutub*) dalam pengajian ilmu-ilmu Islam. Bahkan, pihak kerajaan telah mengguna pakai ilmu *turāth* ke dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) sebagai usaha dalam memastikan kelestarian ilmu *turāth*.

Kini, inovasi kurikulum agama bukan sekadar berfokus pada kemampuan pelajar untuk merujuk kitab muktabar. Namun, para guru juga perlulah mampu

mengajar dan menjadikan kitab-kitab *turāth* sebagai rujukan selain buku teks (Prosmala Hadisaputra, Ahmad Yussuf & Sarina Aini Kasim, 2020). Para guru mestilah mempunyai kesediaan dalam ilmu *turāth* sebelum menjadi guru. Hal ini bagi memastikan objektif-objektif utama dalam pelaksanaan KBD dapat dicapai. Selari dengan kajian Khairatul Akmar, Mohammad Rofian, Ahmad Redzaudin & Nur Syahirah (2021) bahawa pengajaran menggunakan kaedah dan kitab *turāth* yang bersesuaian akan memberi kesan positif kepada penyampaian ilmu.

Menurut Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan & Siti Mursyidah Mohd Zin (2021) perkembangan ilmu *turāth* bermula daripada aktiviti pengajaran di masjid bagi mendedahkan masyarakat berkenaan segala permasalahan dalam Islam seperti hukum hakam, *‘aqīdah* dan masalah yang lain. Namun, pengajian *turāth* kini tidak hanya terhad kepada institusi pondok tetapi sudah mula diperkenalkan di sekolah-sekolah agama dan kurikulum yang berteraskan agama. Pendidikan agama mula mendapat tempat dalam masyarakat kerana menurut kajian Ramli, Khairi & Ishak (2015) rentetan daripada sumbangan institusi pondok dalam mencegah masalah buta huruf dan melahirkan para alim ulama (Nazneen Ismail et.al, 2021).

1.3 Permasalahan Kajian

Mata pelajaran yang ditawarkan dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) ialah *al-Lughatu al-‘Arabiyyah al-Mu‘āshirah*, *Uṣūluddīn*, *Syari‘ah*, *al-Manāhij al-‘Ulum al-Islāmiyyah* dan *al-Adab wa al-Balāghah*. Kesemua mata pelajaran tersebut dirujuk daripada kitab-kitab yang muktabar sebagai isi kandungan di dalam buku teks

disamping penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar (Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Mata pelajaran yang ditawarkan ini memerlukan guru-guru agama yang berkemahiran dalam mata pelajaran berkenaan.

Namun, menurut Nursafra Mohd Zhaffar (2021) kuantiti guru agama kurang mencukupi bagi mengajar silibus KBD kerana penetapan pihak kementerian ialah satu guru bagi satu mata pelajaran. Hal ini membuka peluang kepada pengambilan guru baharu sehinggakan timbulnya isu yang lain, iaitu penguasaan kandungan kurikulum di tahap yang lemah. Menurut kajian Mansor Daud & Kamarudin Kamel (2003) mendapati bahawa 55% daripada 44 orang guru Yayasan Islam Kelantan mengalami kesukaran untuk memahami isi kandungan sukatan dan buku teks yang digunakan sekolah.

Sehubungan dengan itu, masalah kualiti guru menjadi sorotan kerana guru berperanan dalam melaksanakan pengajaran. Menurut kajian Hasbullah (2016) bahawa salah satu penyebab kualiti pendidikan di tahap yang rendah adalah kerana standard kualiti guru di tahap yang bawah. Dalam keadaan sebegini, bakal guru-guru agama perlulah mempelajari ilmu *turāth* sebagai persediaan menjadi guru dan sebelum ditempatkan ke sekolah kerana penguasaan guru terhadap bahan pengajaran dan pembelajaran merupakan faktor yang penting dalam keberhasilan pelajar (Prosmala Hadisaputra et.al, 2020).

Bakal guru agama tidak membiasakan diri mereka terhadap penggunaan kitab-kitab *turāth* sehingga memberi kesan apabila menjadi guru. Menurut kajian Rorsuedee Salaeh (2007) bahawa guru-guru tidak menggunakan kitab-kitab *turāth*

sebagai panduan semasa proses pembelajaran dan pengajaran. Sebanyak 75% daripada guru-guru tersebut juga berpendapat bahawa buku teks yang sedia ada tidak mencukupi. Pembelajaran kitab *turāth* akan mendedahkan guru agama kepada rujukan selain daripada buku teks.

Menurut Mulky Solahuddin (2013) pembelajaran kitab *turāth* seolah-olah dianggap satu bebanan bagi pelajar agama, bahkan pelajar pondok sekalipun. Permasalahan ini mendatangkan isu yang lain di mana pelajar agama tidak menguasai asas ilmu pengetahuan dalam kitab *turāth* kerana mereka tidak mampu membaca kitab tersebut. Hal ini mungkin berlaku kerana menurut Syed Salim Syed Shamsuddin (2018) sistem pengajian moden dilihat kurang memberi penekanan terhadap pengambilan teks *turāth* sebagai teks utama dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian tersebut, matlamat utama kajian ini adalah untuk meneliti keperluan pembelajaran ilmu *turāth* dalam kalangan guru agama KBD. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui kesan pembelajaran ilmu *turāth* terhadap ilmu pengetahuan dan *akhlāq* guru agama KBD. Secara lebih khusus, objektif bagi kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti persepsi guru-guru agama Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) di daerah Kinta Utara, Perak terhadap keperluan mempelajari ilmu *turāth*.

2. Menganalisis kesan pembelajaran ilmu *turāth* terhadap pengetahuan ilmu agama dalam kalangan guru agama KBD.
3. Menganalisis kesan pembelajaran ilmu *turāth* terhadap *akhlāq* dalam kalangan guru agama KBD.
4. Mengenal pasti masalah berkaitan pengajian ilmu *turāth* dalam kalangan guru agama KBD.


1.5 Persoalan Kajian

Untuk mencapai objektif, kajian ini akan menjawab beberapa persoalan berkenaan keperluan pembelajaran ilmu *turāth* dalam kalangan guru agama KBD dan kesannya terhadap pengetahuan ilmu agama serta *akhlāq* bakal guru tersebut. Secara terperinci, kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah keperluan mempelajari ilmu *turāth* dalam kalangan guru agama KBD?
2. Apakah kesan pembelajaran ilmu *turāth* bagi guru agama KBD dari aspek pengetahuan ilmu agama?
3. Apakah kesan pembelajaran ilmu *turāth* bagi guru agama KBD dari aspek *akhlāq*?
4. Apakah masalah berkaitan ilmu *turāth* dalam kalangan guru agama KBD?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada keperluan guru-guru agama KBD mempelajari ilmu *turāth*. Maka, kerangka konsep dalam rajah 1.1 dibina dalam tiga komponen utama berdasarkan objektif kajian, iaitu keperluan pembelajaran ilmu *turāth*, kesan pembelajaran ilmu *turāth* terhadap pengetahuan ilmu agama dan kesan pembelajaran ilmu *turāth* terhadap *akhlāq*. Namun, komponen proses pembelajaran ilmu *turāth* perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi menghubungkan di antara keperluan pembelajaran dengan kesan pembelajaran. Hal ini kerana seseorang hanya akan mengetahui kesannya setelah mengalami pengalaman tersebut.




Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian

Dalam komponen pertama, iaitu kesedaran keperluan ilmu *turāth* akan menyentuh pengalaman pembelajaran (*experiential learning*) guru-guru agama KBD.

Penyelidik telah memilih guru-guru agama KBD sebagai responden kajian kerana mereka telah mengalami pengalaman tersebut terlebih dahulu. Mazuki Mohd Yasim (2011) telah menghuraikan model kitaran pembelajaran yang dipelopori oleh David Kolb dalam rajah 1.2. Guru-guru agama KBD telah melalui pengalaman sebelum dan setelah menjadi guru.

Menurut Kolb (1984), peringkat pengalaman konkrit iaitu pengalaman yang telah dilalui oleh individu dijadikan asas kepada peringkat refleksi dan pemerhatian. Kemudiannya, individu tersebut akan memerhati perlakuan individu lain dan mengaitkan dengan pengalaman lalu bagi diterjemahkan dan difahami pada peringkat pengkonsepsian abstrak. Individu akan membentuk kesimpulan dan kefahaman sendiri berdasarkan apa yang telah dilalui bagi diuji pada peringkat percubaan aktif. Pada peringkat akhir inilah penyelidik akan mendapatkan dapatan kajian berdasarkan kesimpulan dan kefahaman guru-guru agama sebagai panduan untuk mencapai objektif kajian.



Rajah 1.2: Teori Pembelajaran oleh Kolb (1984)

Komponen kedua dalam rajah 1.1, iaitu proses pembelajaran ilmu *turāth* merupakan penghubung bagi komponen pertama dengan komponen ketiga. Guru-guru agama KBD yang telah mengalami proses pembelajaran ilmu *turāth* dan mengetahui pengalaman daripada proses tersebut akan dijadikan data dalam kajian ini. Penglibatan guru agama dalam proses pembelajaran ilmu *turāth* telah dilakukan sama ada secara formal, informal atau non-formal. Melalui proses pembelajaran inilah teori pembelajaran humanistik berlaku.

Menurut Mohammad Muchlis Solichin (2018) teori pembelajaran humanistik merupakan sebuah proses belajar seseorang individu dari awal hingga akhir dan segalanya disandarkan pada nilai kemanusiaan. Teori ini menekankan kepentingan isi pembelajaran berbanding proses pembelajaran kerana tujuannya untuk mengembangkan individu menjadi utuh dan sempurna. Justeru, pembelajaran ilmu *turāth* bagi guru agama dalam teori ini dianggap penting kerana pembelajaran ilmu *turāth* mempunyai kaitan dengan keperluan mereka apabila menjadi guru.

Komponen ketiga, iaitu kesan pembelajaran ilmu *turāth* merupakan hasil daripada proses belajar yang telah berlangsung. Penyelidik ingin mengenal pasti kesan pembelajaran ilmu *turāth* terhadap pengetahuan ilmu agama dan *akhlāq* seseorang individu. Menurut Nazneen Ismail et.al (2021) pengajian *turāth* membekalkan individu dengan pengetahuan dan amalan agama yang sempurna sehingga menjadikan mereka lebih rasional menangani cabaran hidup. Oleh itu, penyelidik ingin mengenal pasti kesan terhadap pengetahuan dan *akhlāq* kepada guru agama KBD.

1.7 Definisi Operasional

Pada bahagian definisi operasional akan menjelaskan secara lebih mendalam berkenaan definisi bagi setiap istilah atau konsep-konsep utama yang digunakan di dalam konteks kajian ini.

1.7.1 Kesan

Kesan dalam Kamus Bahasa Melayu mempunyai empat makna, iaitu bekas, hasil kesudahan, pengaruh dan akibat. Menurut Kamus Dewan (2016) kesan bermaksud sesuatu sama ada kebaikan atau keburukan yang timbul daripada sesuatu kejadian (keadaan, perbuatan, tindakan dan lain-lain) ataupun kesudahan (hasil atau akibat) daripada sesuatu. Oleh itu, kesan dalam konteks kajian ini adalah akibat ataupun hasil pembelajaran ilmu *turāth* kepada guru-guru agama KBD.

1.7.2 Pembelajaran

Pembelajaran terlahir daripada kata dasar ‘ajar’ yang bermaksud proses atau kegiatan belajar (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016). Menurut Surya Mohammad (1997) pembelajaran merupakan suatu proses yang dilakukan individu dalam memperoleh suatu perubahan tingkah laku yang baru secara keseluruhan sebagai hasil dari pengalamannya sendiri dalam interaksi dengan lingkungannya. Tohirin (2005) mendefinisikan pembelajaran sebagai suatu upaya membelajarkan atau suatu upaya

mengarahkan aktiviti pelajar ke arah aktiviti belajar. Di dalam proses pembelajaran mengandungi dua perkara, iaitu mengajar (guru) dan belajar (pelajar).

Manakala, pembelajaran menurut Shahabuddin, Rohizani & Mohd Zohir (2003) adalah suatu aktiviti fizikal, mental atau rohani pada diri pelajar itu sendiri. Melalui proses tersebut, seseorang individu dapat mengubah sikap dan tingkah laku mereka untuk berkembang secara berterusan. Bahkan, individu tersebut juga mampu menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperolehi untuk kemajuan diri, masyarakat atau negara. Faktor penting bagi menentukan proses pembelajaran ialah keinginan individu itu sendiri untuk terus belajar dan minat.

Dalam dunia pendidikan, proses pembelajaran terutamanya berkaitan ilmu *turāth* adalah amat penting kerana terdapat pelbagai aspek psikologi yang berkait dengannya. Hal ini kerana menurut Tohirin (2005) ilmu agama saling berkait dengan perkara-perkara yang *zāhir* (sifat dan perlakuan) dan perkara-perkara *bāṭin* (rohani dan psikologi). Justeru, pembelajaran ilmu *turāth* yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah suatu proses mempelajari ilmu *turāth* ke arah perubahan tingkah laku yang dilandasi oleh nilai-nilai Islam dalam kehidupan peribadi dan kemasyarakatan.

1.7.3 Ilmu *turāth*

Solahudin Ismail (2014) membahagikan kitab *turāth* kepada dua jenis bentuk, iaitu kitab karangan ulama Alam Melayu dan kitab karangan ulama Tanah Arab. Kitab *turāth* dikenali juga sebagai kitab kuning kerana kitab tersebut pada peringkat

awalnya telah dicetak di atas kertas berwarna kuning dan menggunakan tulisan Arab atau Jawi yang tidak diletakkan tanda bacaan dan tidak menggunakan *harakāt* seperti *al-Qur'ān* (Solahudin Ismail, 2014; Mujizatullah, 2018 & Syaifullah, 2017). Namun, menurut Supyan, Sukandar & Marwan (2022) panggilan asal usul kitab kuning masih tidak dikenal pasti lagi sama ada penggunaan istilah tersebut kerana hasil karya terbatas dengan tahun karangan atau disebabkan penggunaan kertas berwarna kuning.

Makna ilmu *turāth* menurut Harapandi Dahri (2016) lebih sempit kerana merujuk kepada kitab kuning ataupun kitab Jawi lama yang merupakan hasil-hasil penulisan dalam tulisan Jawi oleh para ulama dan orang-orang soleh. Perkataan *turāth* berasal dari kalimat 'الإرث', iaitu peninggalan atau warisan dari masa silam yang diguna pakai oleh generasi yang berikutnya. *Turāth* secara istilah bermaksud semua yang ditinggalkan oleh orang terdahulu sama ada dalam bentuk yang boleh dimanfaatkan seperti karya kitab dan buku ataupun perkara yang bersifat *ma'nawiyyah* seperti khazanah pemikiran.

Menurut Zulkarnin, Maisarah, Ahmad, Ainul, Liyana & Nurdalila (2022) *turāth* selalu disebut sebagai kitab *turāth*, kitab jawi ataupun kitab kuning dalam bahasa Melayu digunakan dalam kelas agama sebagai rujukan utama selain daripada *al-Qur'ān* dan *Hadīth*. Teks-teks *turāth* merangkumi pelbagai mata pelajaran dalam pengajian Islam seperti *Tafsir al-Qur'ān*, *Fiqh*, *Hadith*, *Taṣawwuf* dan *'Aqīdah* yang ditulis oleh ulama Islam terdahulu dan kemudiannya diwarisi dengan menggunakan kaedah sanad secara turun-temurun dengan merujuk kepada nas-nas Islam terdahulu bagi mengekalkan ketepatan dan kesahihannya.

Kesimpulannya ilmu *turāth* tidak terhad pada kitab yang ditulis dalam tulisan Jawi sahaja, namun ilmu *turāth* juga merangkumi kitab yang ditulis menggunakan bahasa Arab. Ilmu *turāth* merupakan karya-karya penulisan yang ditulis oleh ulama masa silam di mana konsep kitab kuning itu dilihat pada tempoh karya penulisan tersebut dihasilkan bukanlah kerana dicetak pada kertas yang berwarna kuning. Hal ini kerana terdapat juga hasil penulisan kontemporari yang dicetak pada kertas berwarna kuning seolah-olah kitab *turāth*. Bahkan, terdapat juga penulisan dari ilmu *turāth* yang telah diolah dan diterbitkan dalam bentuk buku kontemporari. Perbincangan konsep ilmu *turāth* ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bab 2.

1.7.4 Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) merupakan salah satu inovasi kurikulum terkini yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kurikulum ini digubal khas bagi pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu Islam di sekolah-sekolah menengah agama di Malaysia. KBD merupakan kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Lembaga Penasihat Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) (Kamarulzaman Abdul Ghani, 2020).

Konsep asas dan reka bentuk KBD telah diilhamkan daripada Kurikulum Azhari yang digunakan secara rasmi pada tahun 2000 di sekolah-sekolah agama di Malaysia seperti Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR).

Kemudiannya, KBD pula diiktiraf pada tahun 2012 sebagai kurikulum kebangsaan yang merupakan alternatif daripada Kurikulum Azhari yang telah sedia ada (Kamarulzaman Abdul Ghani, 2020).

Tujuan dan hasrat pelaksanaan KBD ini adalah agar negara dapat memberikan pendidikan aliran agama yang lebih berkualiti dan sistematik seterusnya mengukuhkan pendidikan agama dalam aliran perdana. Tambahan, pelaksanaan KBD ini juga menggunakan kitab-kitab *turāth* sebagai isi kandungan yang terdapat di dalam buku teks. Usaha ini dapat mempertingkatkan kualiti asas-asas pengetahuan ilmu agama serta merujuk kitab-kitab muktabar (Bahagian Pendidikan Islam KPM, 2015).

1.7.5 Guru agama

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) guru bermaksud orang yang mengajar, pendidik, pengajar atau pengasuh. Dalam bahasa Arab, istilah guru juga dipadankan sebagai *mudarris*, *mu'addib*, *murabbī*, *mu'allim*, *mursyid*, *syaiikh* dan *ustādh*. Namun, penggunaan istilah *mu'allim*, *mudarris* dan *ustādh* lebih banyak digunakan dalam penulisan kitab-kitab *turāth* pendidikan seperti kitab *al-Ta'alīm al-Muta'allim fī Turūqi al-Ta'allumi* karya al-Zarnūjī dan kitab *Ihyā' 'Ulum al-Dīn* dalam bab ilmu karya Imam al-Ghazālī (Prosmala Hadisaputra et.al, 2020).

Manakala, Noor Jamaluddin (1978) mendefinisikan guru sebagai pendidik, iaitu orang yang bertanggungjawab dalam memberi bimbingan kepada pelajar dalam

mengembangkan jasmani dan rohani sehingga mereka mampu berdiri dengan sendirinya. Oleh itu, dalam kajian ini merujuk kepada golongan yang telah menjadi guru agama KBD sama ada dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, Syari'ah dan sebagainya.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini adalah berkenaan Kesan Pembelajaran Ilmu *Turāth* Terhadap Guru Agama Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) di Daerah Kinta Utara, Perak. Kajian ini memfokuskan pembelajaran ilmu *turāth* kerana penyelidik merupakan pelajar Pendidikan Islam yang perlu mempersiapkan diri untuk ditempatkan di sekolah-sekolah agama. Selari dengan perkembangan kurikulum agama, antara salah satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melahirkan pelajar Islam yang menguasai ilmu agama sehingga menjadikan kitab *turāth* sebagai rujukan. Justeru, penyelidik tidak membataskan ilmu *turāth* kepada kitab Jawi klasik ataupun kitab Arab kerana kedua-duanya diperlukan sebagai rujukan guru agama KBD.

Penyelidik memfokuskan daerah Kinta Utara, Perak bagi memudahkan pelaksanaan kutipan data kajian kerana terdapat tiga buah sekolah agama di daerah Kinta Utara, Perak. Sekolah-sekolah tersebut dipilih kerana mempunyai aliran KBD. Penyelidik akan mendapatkan sebanyak dua orang responden bagi setiap sekolah yang dipilih. Responden dipilih berdasarkan tempoh perkhidmatan sekurang-sekurangnya lima tahun ke atas. Hal ini kerana, guru tersebut telah melalui fasa bakal

guru dan telah mempunyai pengalaman yang mencukupi bagi membolehkannya memahami tugas seorang guru agama.

Melalui kajian ini, fokus penyelidikan adalah untuk mengenal pasti keperluan guru Pendidikan Islam mempelajari ilmu *turāth* yang meliputi penggunaan kitab *turāth* sebagai bahan rujukan dan penglibatan mereka dalam kelas pengajian *turāth*. Selain itu, kajian ini juga ingin mengenal pasti kesan pembelajaran ilmu *turāth* kepada guru agama KBD dari aspek pengetahuan ilmu agama dan *akhlāq* untuk meningkatkan tahap kemahiran guru dan mempersiapkan diri bakal guru apabila ditempatkan ke sekolah agama.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingan dan manfaat kepada pelbagai pihak. Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini dapat menjadi bahan rujukan sampingan kepada pihak yang berkepentingan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dalam menginovasikan ilmu *turāth* ke dalam silibus pendidikan secara formal seperti pelaksanaan Kurikulum Azhari dan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD).

Dapatan kajian ini juga diharapkan berupaya menyumbang kepada penambahbaikan kualiti guru agama dan bakal guru agama khususnya guru agama KBD di sekolah-sekolah agama daripada aspek kesediaan ilmu pengetahuan dan *akhlāq*. Kajian ini mendedahkan guru agama dan bakal guru agama terhadap

keperluan mempelajari ilmu *turāth*. Hal ini penting kerana seorang guru perlu mempunyai motivasi dan sifat kompeten dalam menangani pelajar yang semakin maju mengikut arus peredaran zaman (Nazneen Ismail et.al, 2021).

Akhir sekali, kajian ini dapat memberikan input kepada semua pihak berkepentingan seperti pihak pengajian pendidikan, para pelajar dan keseluruhan masyarakat untuk merangka, meningkatkan dan melaksanakan program-program yang boleh menambah pengetahuan ilmu *turāth*. Kajian ini juga boleh dijadikan asas untuk kajian lanjutan oleh penyelidik lain yang membuat kajian berkenaan ilmu *turāth* bagi mewujudkan kesedaran dan kesediaan pada bakal-bakal guru terhadap kepentingan menuntut ilmu sepanjang masa.

1.10 Kesimpulan

Secara ringkasnya, kajian ini adalah untuk mengkaji keperluan dan kesan pembelajaran ilmu *turāth* dalam kalangan guru agama KBD yang akan dijalankan ke atas beberapa orang guru agama Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) yang telah berkhidmat melebihi tempoh lima tahun. Secara khususnya, guru-guru agama KBD ini dipilih sebagai responden kajian kerana golongan ini merupakan individu yang telah melalui fasa ‘bakal guru’ dan juga berpengalaman sebagai ‘guru’. Justeru, golongan ini lebih bersesuaian dipilih sebagai responden kerana pengalaman yang mereka pernah lalui terlebih dahulu dan dapat dijadikan panduan kepada bakal-bakal guru agama.



Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti kesan pembelajaran ilmu *turāth* terhadap pengetahuan ilmu agama dan *akhlāq* guru-guru agama KBD. Hal ini kerana terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik lain berkenaan kesan pengajian ilmu *turāth* kepada individu yang mempelajarinya seperti pelajar pondok. Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji kesannya pembelajaran ilmu *turāth* pada golongan selain pelajar pondok, khususnya guru-guru agama KBD. Hal ini kerana guru agama KBD merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam mencorak generasi akan datang.

